



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENJADUALAN SEMULA PEPERIKSAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2022**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa penjadualan semula peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2022 akan dilaksanakan pada 16 hingga 22 Mac 2023. Penjadualan semula peperiksaan ini melibatkan calon yang tidak dapat menduduki peperiksaan kerana terkesan dengan bencana banjir dan calon yang disahkan positif COVID-19.

Penjadualan semula bagi calon yang terlibat akan diuruskan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Maklumat berkaitan tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan yang perlu diduduki akan dimaklumkan oleh JPN kepada calon serta sekolah yang terlibat. Calon turut dinasihatkan untuk menghubungi talian bilik gerakan Lembaga Peperiksaan (LP) dan JPN di seluruh negara seperti di Lampiran bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai penjadualan semula peperiksaan SPM tahun 2022.

KPM akan terus memantau situasi banjir dan persediaan dari segi logistik, kesiapsiagaan pusat peperiksaan dan pelantikan petugas peperiksaan bagi memastikan penjadualan semula peperiksaan SPM tahun 2022 dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur. KPM juga mendoakan agar semua calon dapat menduduki peperiksaan dalam keadaan sihat, selamat dan sejahtera.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
9 MAC 2023**

**LAMPIRAN****BILIK GERAKAN LEMBAGA PEPERIKSAAN  
DAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI**

<b>NEGERI</b>	<b>BILIK GERAKAN</b>	<b>NOMBOR TELEFON</b>
WP PUTRAJAYA	LEMBAGA PEPERIKSAAN	03-8889 3520
		03-8889 3601
		03-8889 3551
PERAK	SPP PERAK	05-501 5170
		05-501 5176
		05-501 5172
SELANGOR	SPP SELANGOR	03-5518 6120
PAHANG	SPP PAHANG	09-571 5736
KELANTAN	SPP KELANTAN	09-744 1411
SABAH	SPP SABAH	010-955 6458
JOHOR	SPP JOHOR	07-231 0051
		07-231 0050
		07-231 0049
KEDAH	SPP KEDAH	04-740 4237
		04-740 4335
		04-740 4247
MELAKA	SPP MELAKA	06-232 6467
NEGERI SEMBILAN	SPP NEGERI SEMBILAN	06-765 3347
PULAU PINANG	SPP PULAU PINANG	04-263 1472
PERLIS	SPP PERLIS	04-973 7632
SARAWAK	SPP SARAWAK	082-473 507
		082-473 519
		082-473 520
TERENGGANU	SPP TERENGGANU	09-621 3038
WP LABUAN	SPP LABUAN	087-468 623
WP PUTRAJAYA	SPP PUTRAJAYA	014-337 9793
WP KUALA LUMPUR	SPP KUALA LUMPUR	03-6204 6180

**Nota:**

SPP: Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan